



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 Jld. (16)

TARIKH: 12 Mac 2013

PERKARA : PENYELARASAN BERKAITAN ISU PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI	
DARIPADA : TKP	SALINAN : 1) Semua Pengarah Bahagian
KEPADA : SEMUA PENGARAH ILJTM	

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa jabatan telah membuat ketetapan mengenai isu berkaitan pelaksanaan latihan industri seperti yang telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil 1/2013 yang diadakan pada 5 dan 6 Mac 2013.

3. Pada masa ini, pelajar peringkat sijil boleh diberi pengecualian untuk melaksanakan latihan industri bagi kes-kes seperti di bawah:

- 3.1 Pelajar peringkat Sijil Juruteknik Perindustrian yang mendapat tawaran melanjutkan latihan dimana-mana ILJTM untuk peringkat Sijil Teknologi;
- 3.2 Pelajar peringkat Sijil Teknologi yang mendapat tawaran melanjutkan latihan dimana-mana ILJTM untuk peringkat Diploma Teknologi; dan
- 3.3 Pelajar peringkat Sijil Teknologi yang telah menjalani latihan industri sewaktu peringkat Sijil Juruteknik Perindustrian.

4. Sekiranya pelajar yang mendapat pengecualian latihan industri seperti perenggan tiga di atas tidak mendaftar untuk melanjutkan latihan atau berhenti dalam tempoh tiga bulan pertama latihan di institut tersebut, pelajar berkenaan akan diberikan status **GAGAL** bagi modul latihan industri dan tidak layak dianugerahkan sijil jabatan.

5. Manakala bagi pelajar yang mendapat tawaran kerja selepas semester akhir, tempoh tiga bulan pertama bekerja pelajar berkenaan akan dikira sebagai Latihan Industri. Walaubagaimanapun, pelajar hanya akan diberikan status lulus bagi modul latihan industri sekiranya mematuhi syarat-syarat berikut:

- 5.1 Aktiviti latihan industri direkodkan di dalam buku log bagi tempoh tiga bulan;
- 5.2 Penilaian dibuat oleh pegawai ILJTM sepanjang tempoh latihan industri; dan
- 5.3 Buku log latihan industri dihantar ke institut dalam tempoh yang ditetapkan.


6. Disamping itu juga, jabatan telah bersetuju bahawa pelajar yang mendapat tawaran kerja selepas semester terakhir seperti yang dinyatakan di dalam perenggan lima di atas adalah tidak layak menerima elaun latihan industri seperti pelajar sedia ada.

7. Semua ketetapan di atas adalah berkuatkuasa bagi mana-mana pelajar yang akan menjalani latihan industri bagi **Sesi Julai 2013**.

Kerjasama dan perhatian tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi'



(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.